

27/06/1998

Jangan samakan dengan Indonesia (HL)

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, isu nepotisme sengaja dipolitikkan oleh pihak tertentu di negara ini untuk menjatuhkan pemimpin kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, pihak berkenaan mendapat sokongan daripada orang asing yang memang inginkan Kerajaan Malaysia tumbang kerana pemerintah sekarang tidak tunduk dan akur kepada mereka.

Bagaimanapun, katanya, orang asing itu sebenarnya bukan mahu pihak yang menjuarai isu itu naik, sebaliknya orang yang hendak naik itu pula akan berasa terhutang budi dengan sokongan diberikan.

"Orang yang menimbulkan isu nepotisme di negara ini dianggap baik oleh media Barat, sedangkan beliau sendiri adalah sama dengan yang lain, bahkan lebih buruk lagi cuma ia tidak didedahkan kepada pengetahuan umum.

"Kalau kita nak baling lumpur hendaklah berhati-hati, takut terkena muka kita sendiri," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Kepemimpinan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ketiga, di Pusat Islam, di sini hari ini.

Kira-kira 300 pemimpin pelajar universiti tempatan hadir pada seminar itu.

Menurutnya, sebagai Perdana Menteri, beliau tahu apa yang berlaku kerana semua perkara dilaporkan kepadanya, termasuk kegiatan semua menteri-menteri Kabinet.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan mereka yang terbabit itu supaya jangan terlalu cepat mencari keuntungan daripada sesuatu keadaan sehingga memburukkan diri sendiri.

"Sebelum angkat senapang, tentukan dulu orang yang menjadi sasaran.

"Kalau kita terbawa-bawa dengan hujah beberapa kerat orang ini yang mempunyai kepentingan diri, kita bangun dan hapuskan nepotisme, kronisme dan jatuhkan kerajaan, kita tidak untung, yang untung orang ini, orang ini punya agenda sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, isu nepotisme dan kronisme sebenarnya tidak wujud di negara ini kerana kerajaan sentiasa mengutamakan kebolehan dalam menganugerahkan sesuatu projek penswastaan.

"Jika seseorang itu mempunyai kebolehan, kerajaan boleh bagi satu, dua, empat atau 10 kali projek," katanya.

Justeru, beliau berkata, isu nepotisme di negara ini tidak boleh disamakan dengan apa yang berlaku di Indonesia kerana pemberian projek penswastaan kepada suku sakat mereka yang memerintah memang berlaku di republik itu.

Dr Mahathir berkata, beliau mempunyai hampir semua senarai projek penswastaan di Indonesia yang sebelum ini dimiliki keluarga bekas Presiden Suharto, termasuk projek yang mereka tidak mempunyai kemahiran.

Beliau berkata, pendedahan itu bukan bertujuan untuk mendedahkan keburukan orang lain, tetapi sekadar contoh kerana ramai pihak membandingkan isu nepotisme di Indonesia dengan negara ini.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta golongan pelajar sebagai pemimpin generasi muda bijak membandingkan antara yang baik dan yang buruk agar tidak terpengaruh dengan hasutan pihak tertentu.

"Saya khuatir saudara saudari terpengaruh. Apa akan jadi kepada negara kalau saudara saudari tidak boleh mengasingkan yang baik dengan yang buruk," katanya.

Menurutnya, pelajar negara ini juga tidak harus tertarik dengan

reformasi yang dilaung-laungkan di Indonesia, terutama tindakan golongan pelajar republik itu menjatuhkan pemerintahan mereka.

"Malaysia bukan Indonesia. Walaupun kita satu rumpun, cara kita berbeza," katanya.

Beliau berkata, reformasi Indonesia memang untuk menghapuskan nepotisme dan kronisme, tetapi di Malaysia ia bertujuan mengubah pemikiran, budaya dan nilai-nilai rakyat negara ini.

Menurutnya, pihak Indonesia sendiri baru-baru ini menghantar menteri mereka untuk belajar daripada Malaysia cara mengendalikan ekonomi sehingga tidak tunduk kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Kita jadi contoh kepada mereka. Apakah kita pula nak jadikan mereka contoh kepada kita?" katanya.

(END)